



**AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**  
**WILAYAH TIMUR**  
*FIRE AND RESCUE ACADEMY OF MALAYSIA*  
*EASTERN REGIONAL*  
KM 24, Jalan Kuala Berang, Wakaf Tapai  
21040 MARANG, TERENGGANU  
MALAYSIA



Telefon : 09-6803301/02/03  
Faksimili : 09-6803304  
Laman Web : <http://fram.bomba.gov.my>  
E-mel : [fram\\_wtapai@bomba.gov.my](mailto:fram_wtapai@bomba.gov.my)

## KENYATAAN MEDIA

### MAJLIS PERBARISAN PENTAULIAHAN SIJIL SAINS KEBOMBAAN SIRI 1/2022 AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA WILAYAH TIMUR, MARANG, TERENGGANU

**MARANG, TERENGGANU, 8 OGOS 2022** – YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Majlis Perbarisan Pentauliah Sijil Sains Kebombaan (SSK) Siri 1/2022 pada pagi ini bertempat di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur, Wakaf Tapai, Marang, Terengganu.

Seramai 737 pegawai bomba KB19 yang terdiri daripada 686 pelatih lelaki dan 51 pelatih wanita telah ditauliahkan dalam majlis tersebut setelah selesai menjalani kursus pentauliah selama enam bulan bermula pada 7 Februari sehingga 8 Ogos 2022. Daripada jumlah tersebut, kursus SSK Siri 1/2022 ini melibatkan seramai 697 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sementara 40 orang pelatih lagi terdiri daripada pelatih agensi swasta iaitu Northport (15), Bintulu Port (9), Penang Port (9), Johor Port (6) dan Wehaya Sdn Bhd (1).

Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican berkata penambahan pegawai-pegawai baharu ini akan menjadikan kekuatan keseluruhan bomba kepada hampir 30,000 anggota yang mana ia amat diperlukan JBPM bersekali dengan aset kebombaan moden bagi mendepani pelbagai cabaran operasi terutama dalam mengendalikan lebih 150,000 panggilan kecemasan setiap tahun dari seluruh negara.

#### “CEPAT DAN MESRA”




CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QMS 01893



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QMS 01893



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QMS 01893



CERTIFIED TO ISO 45001:2018  
CERT. NO.: OHS 00785

Tambah Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, “pengukuhan keanggotaan bomba ini pada asasnya bertepatan dengan salah satu daripada enam fokus utama kementerian pada tahun ini iaitu berkait soal kesiapsiagaan kebombaan dan penyelamatan selari dengan agenda kementerian bagi menjadikan Malaysia sebuah negara yang berdaya huni,”.

Sepanjang tempoh kursus, para pelatih didedahkan dengan 15 modul kebombaan termasuk modul kawad kaki, pemadaman kebakaran, peralatan kebombaan, kawad operasi, alat pernafasan (BA), pengendalian kecemasan kemalangan jalan raya, asas HAZMAT dan penyelamatan di tempat tinggi. Ia bertujuan untuk mempersiapkan diri sebagai pegawai bomba yang kompeten dan terlatih meliputi kaedah pengajaran dan pembelajaran secara teori dan amali sebelum mengisi kekosongan jawatan di balai-balai bomba di seluruh negara.

Bagi tahun 2022, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah mensasarkan pengisian 1,000 kekosongan jawatan pegawai bomba KB19 di seluruh negara. Justeru, dengan pengambilan anggota dan pegawai baharu pada tahun ini, jumlah keanggotaan bomba adalah seramai 15,300 orang yang bertugas di 332 buah balai bomba dan penyelamat di seluruh negara.

Dalam perkembangan sama, bermula 13 Januari 2021, kerja-kerja projek pembangunan Fasa 3 ABPM Wilayah Timur sedang giat dijalankan dengan peruntukan kos sebanyak RM 45.65 juta. Sehingga kini, kemajuan projek telah mencapai sebanyak 20.79% dan dijangka siap pada 5 Mac 2024 dengan mengambil masa selama 38 bulan.

Pembangunan Fasa 3 ini melibatkan empat(4) komponen utama iaitu pembinaan *Water Rescue Training Complex*, *Swift Water Training*, *Highway Emergency And Traffic Accident Rescue* (HETAR) dan *Industrial Fire Fighting Simulator*. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan akademi melatih pegawai bomba dalam bidang penyelamatan di air, pemanduan kenderaan kecemasan dan pemadaman *industrial fire* supaya menjadi lebih berkesan dan seiring dengan perkembangan teknologi terkini.

Sehingga kini, ABPM Wilayah Timur telah melaksanakan sebanyak 47 siri latihan kompetensi yang merangkumi kursus, program, bengkel dan seminar kepada pegawai bomba serta agensi dan komuniti luar. Terbaru, dua orang jurulatih telah berjaya menamatkan Kursus Instructor Selam SCUBA dan ditauliahkan sebagai Instructor Selam SCUBA. Pentauliahkan ini penting kerana ia akan membolehkan mereka mengajar, melatih dan memverifikasi penyelam jabatan.

Selaras dengan aspirasi negara, KPKT melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia terus komited dan sentiasa bersiap siaga untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan penyelamatan dan kecemasan dengan memperluaskan jangkauan perkhidmatan yang lebih berkesan, selari dengan norma serta kehendak Keluarga Malaysia.

Disediakan oleh:  
Unit Perhubungan Awam  
Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia  
Wilayah Timur  
8 Ogos 2022

